

Harianmetro
16/9/15
m/s 10

#inimalaysiakita Tarikh kita

Oleh Mahaizura Abdul Malek
am@hmetro.com.my

TANGGAL 16 September setiap tahun disambut sebagai Hari Malaysia sempena memperingati penyatuan antara Malaya, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura yang membentuk Persekutuan Malaysia pada 1963.

Penubuhan itu diisytiharkan Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur dengan disaksikan Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu, Gabenor Pulau Pinang, Melaka, Sarawak dan Sabah serta

kira-kira 30,000 rakyat Malaysia.


Namun ia tidak semudah disangka, pembentukan itu berdepan pelbagai masalah berikutan timbul beberapa isu dan bantahan dari Indonesia dan Filipina hingga melewati proses pengisytiharan.

Tarikh perasmian pengisytiharan Persekutuan Malaysia terpaksa ditangguhkan daripada 1 Jun 1963 kepada 31 Ogos 1963 kerana menunggu Laporan Suruhanjaya Cobbold.

Indonesia melancarkan konfrontasi ketenteraan di bawah slogan 'Ganyang Malaysia' yang berlarutan sehingga 1966 manakala



JALUR Gemilang dinaikkan sebagai lambang pembentukan Malaysia di Stadium Merdeka pada 16 September 1963



Filipina pula menuntut haknya ke atas Sabah dengan menggunakan perjanjian yang dimeterai antara Kesultanan Sulu dengan British.

Sementara itu, Brunei yang pada mulanya tersenarai dalam rancangan penubuhan Persekutuan Malaysia membatalkan penyertaan selepas berdepan pemberontakan besar-besaran oleh Sheikh Azhari pada 1962.

Bagaimanapun, akhirnya pada 9 Julai 1963, perjanjian penubuhan Persekutuan Malaysia dimeterai di London selepas Laporan Suruhanjaya Cobbold mengeluarkan kenyataan bahawa lebih 80 peratus rakyat Sarawak dan Sabah bersetuju dengan cadangan kemerdekaan menerusi gabungan bersama Persekutuan Tanah Melayu,



Maka pada 16 September 1963 secara rasminya Persekutuan Malaysia ditubuhkan dan mulai 2010, Hari Malaysia diisytiharkan sebagai cuti umum di semua negeri di Malaysia.

Jadi seharusnya kita sebagai rakyat Malaysia terutama generasi muda terhayati dan meraikan Hari Malaysia sebagai satu daripada peristiwa sejarah penting di negara kita.



KETUA Menteri Sabah, Tun Fuad Stephens mengisytiharkan penubuhan Malaysia di Padang Merdeka, Kota Kinabalu pada 16 September 1963. Turut bersama Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak (kanan)

Kronologi

- **27 MEI 1961**
 Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman semasa Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negara Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura mencadangkan perlunya diwujudkan satu rancangan membawa Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo, Brunei dan Sarawak dalam satu bentuk kerjasama politik dan ekonomi
- **OGOS 1961**
 Mesyuarat pertama Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Sabah
- **18-20 DISEMBER 1961**
 Mesyuarat kedua Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Kuching Sarawak
- **6-7 JANUARI 1962**
 Mesyuarat ketiga Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia diadakan di Selangor Legislative Assembly Chamber, Kuala Lumpur
- **17 JANUARI 1962**
 Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan bagi meninjau pandangan penduduk negeri di Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak